

TERMA DAN SYARAT PERADUAN

<u>Penganjur:</u>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A)																					
<u>Peraduan:</u>	PERADUAN F&N BELI & MENANG.																					
<u>Tempoh Peraduan:</u>	1. Peraduan bermula dari 00:00:00, 01/06/2024 dan berakhir pada 23:59:59, 31/07/2024 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.																					
<u>Kelayakan:</u>	1. Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk individu sah Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.																					
<u>Produk Turut Serta:</u>	1. Produk-produk turut serta (“Produk”) adalah: <table><tr><td>SWEETENED CONDENSED MILK</td></tr><tr><td>CAP JUNJUNG Sweetened Beverage Creamer (388g, 500g)</td></tr><tr><td>CARNATION Sweetened Beverage Creamer (500g)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Condensed Milk Full Cream (392g)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer Hi-calcium (390g, 500g, 1kg)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer Teh Tarik (500g, 2.5kg)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer Vitaminised (500g, 1kg)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer Reduced Sugar (380g)</td></tr><tr><td>GOLD COIN Sweetened Creamer (500g)</td></tr><tr><td>GOLD COIN Sweetened Creamer (Kopi & Teh Tarik) (500g, 1kg, 2.5kg)</td></tr><tr><td>TEAPOT Sweetened Creamer (500g, 1kg, 2.5kg)</td></tr><tr><td>TEAPOT Sweetened Creamer Pilihan (500g)</td></tr><tr><td></td></tr><tr><td>EVAPORATED MILK</td></tr><tr><td>CARNATION Evaporated Creamer (390g)</td></tr><tr><td>F&N Evaporated Filled Milk (390g)</td></tr><tr><td>F&N Evaporated Creamer (390g)</td></tr><tr><td>GOLD COIN Evaporated Creamer (390g)</td></tr><tr><td>IDEAL Evaporated Full Cream Milk (390g)</td></tr><tr><td>TEAPOT Evaporated Creamer (390g)</td></tr><tr><td>TEAPOT Extra Evaporated Creamer (390g)</td></tr></table>	SWEETENED CONDENSED MILK	CAP JUNJUNG Sweetened Beverage Creamer (388g, 500g)	CARNATION Sweetened Beverage Creamer (500g)	F&N Sweetened Condensed Milk Full Cream (392g)	F&N Sweetened Creamer Hi-calcium (390g, 500g, 1kg)	F&N Sweetened Creamer Teh Tarik (500g, 2.5kg)	F&N Sweetened Creamer Vitaminised (500g, 1kg)	F&N Sweetened Creamer Reduced Sugar (380g)	GOLD COIN Sweetened Creamer (500g)	GOLD COIN Sweetened Creamer (Kopi & Teh Tarik) (500g, 1kg, 2.5kg)	TEAPOT Sweetened Creamer (500g, 1kg, 2.5kg)	TEAPOT Sweetened Creamer Pilihan (500g)		EVAPORATED MILK	CARNATION Evaporated Creamer (390g)	F&N Evaporated Filled Milk (390g)	F&N Evaporated Creamer (390g)	GOLD COIN Evaporated Creamer (390g)	IDEAL Evaporated Full Cream Milk (390g)	TEAPOT Evaporated Creamer (390g)	TEAPOT Extra Evaporated Creamer (390g)
SWEETENED CONDENSED MILK																						
CAP JUNJUNG Sweetened Beverage Creamer (388g, 500g)																						
CARNATION Sweetened Beverage Creamer (500g)																						
F&N Sweetened Condensed Milk Full Cream (392g)																						
F&N Sweetened Creamer Hi-calcium (390g, 500g, 1kg)																						
F&N Sweetened Creamer Teh Tarik (500g, 2.5kg)																						
F&N Sweetened Creamer Vitaminised (500g, 1kg)																						
F&N Sweetened Creamer Reduced Sugar (380g)																						
GOLD COIN Sweetened Creamer (500g)																						
GOLD COIN Sweetened Creamer (Kopi & Teh Tarik) (500g, 1kg, 2.5kg)																						
TEAPOT Sweetened Creamer (500g, 1kg, 2.5kg)																						
TEAPOT Sweetened Creamer Pilihan (500g)																						
EVAPORATED MILK																						
CARNATION Evaporated Creamer (390g)																						
F&N Evaporated Filled Milk (390g)																						
F&N Evaporated Creamer (390g)																						
GOLD COIN Evaporated Creamer (390g)																						
IDEAL Evaporated Full Cream Milk (390g)																						
TEAPOT Evaporated Creamer (390g)																						
TEAPOT Extra Evaporated Creamer (390g)																						
<u>Bukti Pembelian & Kaedah Penyertaan:</u>	1. Untuk menyertai Peraduan, beli minima bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) Produk dalam satu resit (“Resit”) dari mana-mana outlet) di Malaysia semasa Tempoh Peraduan.																					

	2. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point of sale Outlet Resit mesti mengandungi butiran pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo Outlet (“Butiran Resit”). 3. Resit sebagai bukti pembelian diperlukan untuk peserta menghantar penyertaan mereka. Penganjur tidak menerima sebarang pindaan Resit dalam apa jua bentuk. Resit Invois Cukai Bertulis, Pesanan Belian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima. 4. Kaedah penyertaan Peraduan adalah melalui WhastApp sahaja. Setiap Resit HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan melalui WhatsApp. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Resit dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca , tidak jelas, rosak, diubah, diubahsuai, dihasilkan sendiri, dipalsukan dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi syarat pada pendapat Penganjur. Semua Resit yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.
<u>Penyerahan Penyertaan:</u>	1. <u>Langkah penyertaan mealui WhatsApp:</u> - Tangkap 1 (satu) gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpeg 1 (satu) Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda (“Imej”). - Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. - Hantar Imej melalui WhatsApp ke 6018 228 3911 menggunakan nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia. - Anda akan menerima mesej auto-balas yang mengarahkan anda untuk menyerahkan Nama Penuh dan No Pengenalan anda (“Butiran Peribadi”) serta merta mengikut format: #NAMA PENUH#NO PENGENALAN untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda (“Penyertaan”). <u>Contoh:</u> Taip: <i>#SHANTI A/P PEREIRA#750801105894</i> dan hantar. - Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya. - Mesej perakuan auto-balas akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja. 2. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan kelayakan dan/atau membatalkan mana-mana Penyertaan dengan gambar/imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca atau tidak lengkap, Bukti Pembelian yang dicetak semula, Bukti Pembelian yang berulang, mengandungi lebih daripada satu Bukti Pembelian, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59, 31/07/2024) dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi keperluan peraduan mengikut budi bicara mutlak tanpa notis. 3. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Resit asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak

	Resit apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. 4. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.								
<u>Peluang Kemenangan:</u>	1. Semua Penyertaan yang Layak (“Penyertaan Layak”) diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diperuntukkan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. 2. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang dihantar. Untuk setiap Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki dalam Resit akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Resit telah diperuntukkan. Sila rujuk klausa Pemilihan Pemenang di bawah. <u>Contoh:</u> Jika anda membeli jumlah Produk bernilai RM11.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri. Jika anda membeli jumlah Produk bernilai RM150.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan sepuluh (10) nombor bersiri. 3. Satu set nombor bersiri akan diberikan kepada semua Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri “1”.								
<u>Hadiah Mingguan:</u>	1. Hadiah Mingguan untuk dimenangi untuk setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut adalah seperti di bawah: - Tiga (3) Hadiah Pertama Mingguan berupa sebuah telefon pintar berjenama bernilai RM4000 setiap satu. - Satu ratus enam puluh lima (165) Hadiah Kedua Mingguan berupa eWallet pilihan anda setiap satu, sama ada: - Satu (1) PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM100 atau - Satu (1) Kod Penebusan Kredit Boost RM100 Boost. 2. Terdapat sejumlah dua puluh empat (24) Hadiah Pertama Mingguan dan satu ribu tiga ratus dua puluh (1320) Hadiah Kedua Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. 3. 8 (lapan) tempoh mingguan adalah seperti berikut: <table> <tr> <td>Minggu 1: 01/06/2024 – 07/06/2024</td> <td>Minggu 2: 08/06/2024 – 14/06/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 15/06/2024 – 21/06/2024</td> <td>Minggu 4: 22/06/2024 – 28/06/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 29/06/2024 – 05/07/2024</td> <td>Minggu 6: 06/07/2024 – 12/07/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 13/07/2024 – 19/07/2024</td> <td>Minggu 8: 20/07/2024 – 26/07/2024</td> </tr> </table>	Minggu 1: 01/06/2024 – 07/06/2024	Minggu 2: 08/06/2024 – 14/06/2024	Minggu 3: 15/06/2024 – 21/06/2024	Minggu 4: 22/06/2024 – 28/06/2024	Minggu 5: 29/06/2024 – 05/07/2024	Minggu 6: 06/07/2024 – 12/07/2024	Minggu 7: 13/07/2024 – 19/07/2024	Minggu 8: 20/07/2024 – 26/07/2024
Minggu 1: 01/06/2024 – 07/06/2024	Minggu 2: 08/06/2024 – 14/06/2024								
Minggu 3: 15/06/2024 – 21/06/2024	Minggu 4: 22/06/2024 – 28/06/2024								
Minggu 5: 29/06/2024 – 05/07/2024	Minggu 6: 06/07/2024 – 12/07/2024								
Minggu 7: 13/07/2024 – 19/07/2024	Minggu 8: 20/07/2024 – 26/07/2024								
<u>Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:</u>	1. <u>Hadiah Pertama Mingguan:</u> Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak setiap minggu akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan tiga (3) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Pertama Mingguan minggu tersebut. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor								

	bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk Peraduan berjumlah 1655, 1655 akan dibahagikan dengan 3 yang bersamaan dengan 551.66 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 551. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 551. Tiga (3) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 551 iaitu: 551, 1102 dan 1653 akan menjadi Finalis terpilih. 2. <u>Hadiah Kedua Mingguan:</u> Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak setiap minggu akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan satu ratus enam puluh lima (165) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Kedua Mingguan minggu tersebut. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk Peraduan berjumlah 1655, 1655 akan dibahagikan dengan 65 yang bersamaan dengan 10.03 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 10. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 10. Satu ratus enam puluh lima (165) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 10 iaitu: 10, 20, 30, 40, 50, 60, 70, 80, 90 dan seterusnya akan menjadi finalis terpilih.
<u>Hadiah Utama:</u>	1. Terdapat enam (6) Hadiah Utama yang berupa satu (1) wang tunai RM8000 setiap satu untuk dimenangi pada akhir Tempoh Peraduan.
<u>Pemilihan Pemenang Hadiah Utama:</u>	1. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan enam (6) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk Peraduan berjumlah 16001, 16001 akan dibahagikan dengan 6 yang bersamaan dengan 2666.8. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 2666. Enam (6) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 2666 iaitu: 2666, 5332, 7998, 10664 dan seterusnya akan menjadi Finalis terpilih.
<u>Hadiah Eksklusif Istimewa untuk East Malaysia:</u>	1. Terdapat lapan (8) Hadiah Istimewa untuk peserta dari <u>Sabah, Labuan dan Sarawak ("East Malaysia")</u> untuk dimenangi pada penghujung Tempoh Peraduan berupa eWallet pilihan anda setiap satu, sama ada: - Satu (1) PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM500 atau - Satu (1) Kod Penebusan Kredit Boost RM500 Boost.
<u>Pemilihan Pemenang Hadiah Eksklusif Istimewa untuk East Malaysia:</u>	1. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan Sabah/Sarawak daripada jumlah Penyertaan Layak yang diterima berdasarkan alamat outlet seperti yang dinyatakan pada Resit. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan kepada semua Penyertaan Layak Sabah/Sarawak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri "1".

	2. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak Sabah/Sarawak di akhir Tempoh Peraduan akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan lapan (8) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Eksklusif Istimewa. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak Sabah/Sarawak untuk Peraduan berjumlah 405, 405 akan dibahagikan dengan 8 yang bersamaan dengan 50.62. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 50. Lapan (8) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 50 iaitu: 50, 100, 150, 200 dan seterusnya akan menjadi Finalis terpilih.
<u>Penebusan Hadiah:</u>	1. Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari nombor 6018 228 3911 ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi 1 (satu) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut. 2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. 3. Pemenang mesti membekalkan butiran peribadi seperti Nama Penuh seperti di MyKad, nombor MyKad, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah mengikut budi bicara mutlak Penganjur. 4. Sepanjang Tempoh Peraduan setiap Peserta hanya boleh memenangi: a. 1 (Satu) Hadiah Mingguan dengan nilai tertinggi, b. 1 (Satu) Hadiah Utama, dan c. 1 (Satu) Hadiah Eksklusif Istimewa (East Malaysia). 5. Semua Pemenang Hadiah Utama akan menerima cek yang dibayar ke atas nama mereka melalui kurier dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Peraduan ke alamat penghantaran yang diberikan oleh Pemenang melalui WhatsApp. 6. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar semua kod kepada Pemenang eWallet melalui Nombor WhatsApp Rasmi Peraduan di 6018 228 3911 ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak, dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Peraduan. 7. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan sekiranya mana-mana kod eWallet tidak dapat dihantar kepada pemenang kerana sebarang

	perubahan atau perbezaan dalam nombor hubungan yang diserahkan oleh pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan Peraduan. 8. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Hadiah. Berikut adalah terma dan syarat Hadiah Peraduan vendor: a. Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf b. Penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost tertakluk pada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; https://www.myboost.com.my/terms/. 9. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah fasal ini diatas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur tanpa sebarang pampasan kepada pemenang. 10. Semua pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah. 11. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di Laman Web Penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.
<u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59, 31/07/2024. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.
<u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u>	1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. 2. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. 3. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit, dengan barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan menerima sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang. 4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (iaitu tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang terlibat untuk

	menebus atau mengambil hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. 5. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti. 6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. 7. Penganjur berhak untuk menarik balik penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan. 8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan. 9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu. 10. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminda Terma dan Syarat, yang ditetapkan di sini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat semua Peserta Peraduan ini, dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur bagi hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melayakkan Peserta untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau barangan) untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan. 11. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
--	---

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:	1. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd ("F&N" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu). 2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau mengehaskan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di fulfilment@omnitem.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.
Terma Lain:	1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian. 2. Terma & Syarat Peraduan ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di Laman Web penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/ akan diguna pakai. 3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi Laman Web Penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.